

**2 Januari 2011 (Sabtu)**

### **RM144 j untuk kemudahan luar bandar Kelantan hingga 2012**

**Oleh YULPISMAN ASLI**

KOTA BHARU 2 Jan. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan memperuntukan sebanyak RM144 juta bagi menyediakan bekalan air bersih kepada penduduk luar bandar di Kelantan dalam tempoh dua tahun ini iaitu sehingga 2012. Timbalan Menterinya, Datuk Hassan Malek berkata, peruntukan tersebut lebih tinggi berbanding peruntukan yang telah disalurkan oleh pihak kementerian kepada negeri ini sehingga November lalu iaitu sebanyak RM120 juta. Beliau berkata, daripada peruntukan RM120 juta itu, sebanyak RM78 juta adalah untuk pembangunan projek infrastruktur luar bandar membabitkan penyediaan bekalan air bersih, elektrik dan jalan.

Katanya, peruntukan besar itu disalurkan memandangkan rakyat negeri ini terutama penduduk luar bandar masih ketinggalan dalam pelbagai aspek terutama bagi mendapat bekalan air bersih yang disalurkan secara sempurna. "Peruntukan yang disediakan satu peningkatan besar kerana orang sini (kerajaan Pas Kelantan) tidak dapat menyelesaikan masalah air, jadi kita bantu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan beg dan peralatan sekolah di Pejabat UMNO Bahagian Kubang Kerian di sini, hari ini. – Utusan

**4 Januari 2011 (Sabtu)**

### **JKM belanja RM1.028 bilion**

**Oleh SHOLINA OSMAN pengarang@utusan.com.my**

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membelanjakan RM1.028 bilion untuk membantu 413,763 orang miskin di negara ini dari Januari hingga November tahun lalu. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, penerima bantuan itu terdiri daripada 117,150 warga emas, 109,782 keluarga miskin, 93,646 kanak-kanak, 89,461 orang kurang upaya (OKU) dan 3,724 mangsa bencana. "Jumlah bantuan yang disalurkan ini adalah dari RM100 hingga RM450 sebulan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini. Shahrizat berkata, bentuk bantuan yang diberikan adalah meliputi pelbagai skim mengikut kelayakan dan kesesuaian penerima. "JKM pada tahun ini akan mempergiatkan lagi pendekatan Kebajikan Produktif yang bertujuan membebaskan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan," katanya. Menurut Shahrizat, ini kerana jabatan itu tidak mahu hanya menjadi agensi yang memberikan bantuan kewangan kepada orang miskin. Katanya, kumpulan sasaran itu termasuk ibu tunggal miskin yang akan dibantu dalam bentuk latihan dan juga kemahiran di dalam bidang keusahawan termasuk modal. Beliau berkata, Kebajikan Produktif telah dimulakan empat bulan lalu dan disebabkan program itu masih di peringkat awal, maka ukuran kejayaannya belum dapat dipastikan lagi.

**8 Januari 2011 (Sabtu)**

### **SPAD pelajari sistem MRT Hong Kong**

HONG KONG 8 Jan. - Delegasi kerajaan Malaysia yang meninjau pelaksanaan dan pengurusan sistem Transit Aliran Massa (MRT) di bandar raya ini, berjaya mempelajari pendekatan terbaik bagi pelaksanaan projek MRT bernilai RM36 bilion di Lembah Klang. Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd. Nur Kamal berkata, antaranya ialah kaedah mengurangkan kos projek iaitu menerusi pembangunan harta tanah di dalam projek mega itu. Menurutnya, kaedah-kaedah itu dikemukakan dalam perbincangan terperinci yang diadakan pihaknya dengan pengurusan MRT di sini. Bagaimanapun, tambahnya, pembangunan harta tanah dalam projek MRT Lembah Klang hanya dilakukan mengikut keperluan iaitu apabila permintaan meningkat terutama selepas laluan baru ditambah dan semakin ramai menggunakan kemudahan pengangkutan itu. "Pengurusan MRT di Hong Kong antara terbaik di dunia terutama dalam membangunkan harta tanah yang membantu mengurangkan kos pembangunan dan operasi sehingga tidak bergantung kepada dana kerajaan. "Itu yang menarik minat kita. Matlamat kita ialah mengelak daripada kesilapan pernah dilakukan pihak lain dan melaksanakan yang terbaik dalam sistem MRT Lembah Klang," katanya.

Beliau ditemui pada akhir lawatan kerja ke Hong Kong untuk meninjau bagaimana pengendali sistem metro di bandar raya ini, MTR Corporation menguruskan sistem relnya dan pembangunan harta tanahnya. Lawatan diketuai Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar itu turut disertai pegawai-pegawai Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) dan Syarikat Prasarana Negara Bhd. (Prasarana) yang bakal mengendalikan MRT di Lembah Klang. Menurut Mohd. Nur, pembangunan harta tanah dan komersial yang bakal dibangunkan dalam sistem MRT di Lembah Klang akan berjaya kerana nilai harta tanah akan meningkat apabila hab pengangkutan diwujudkan. "Di Hong Kong, 35 peratus daripada pendapatan mereka dijana sektor bukan tambang seperti penjualan kediaman dan penyewaan ruang niaga serta iklan," jelasnya. Beliau berkata, KL Sentral adalah contoh pembangunan seperti itu tetapi dalam kes KL Sentral, keuntungan tidak digunakan untuk mengurangkan kos kerana ia dibangun dan diuruskan oleh pihak lain. Dalam pada itu, Mohd. Nur menjelaskan, selain Hong Kong, pihaknya akan turut mengkaji kaedah di bandar raya lain seperti Singapura dan London bagi mencari kaedah paling tepat dan boleh disesuaikan dengan situasi di Lembah Klang.

Ditanya kemungkinan berlaku peningkatan kos jika pembangunan harta tanah dilaksanakan, beliau berkata, ia boleh dilaksanakan secara usahasama dengan pemaju swasta seperti yang dilaksanakan oleh MTR Corporation. Mengenai sasaran pendapatan daripada sektor harta tanah dan komersial dalam sistem MRT Lembah Klang, beliau berkata, adalah sukar untuk menentukan sasaran peratusannya. "Pendekatan itu memang berjaya di Hong Kong tetapi kita tidak boleh samakan dengan apa yang bakal dilaksanakan di Lembah Klang kerana situasinya berbeza," katanya. Beliau memberitahu, pembangunan harta tanah yang dirancang itu hanya boleh dilakukan di atas tanah milik kerajaan dan bukannya tanah yang diambil di bawah Akta Keretapi. "Pengambilan tanah hanya untuk pembinaan landasan sahaja. Kita tidak boleh guna tanah itu untuk projek komersial," tegasnya. Mohd. Nor menambah, kerajaan tiada cadangan melantik MTR Corporation sebagai perunding tetapi mungkin dalam aspek lain seperti pertukaran pegawai. - Mingguan Malaysia

**10 Januari 2011 (Isnin)**

### **SPRM siasat tender sistem tiket Keretapi Tanah Melayu Berhad**

KUALA LUMPUR 10 Jan. – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan dua serbuan di Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di sini bagi menyiasat dakwaan pemberian tender mencurigakan bernilai jutaan ringgit. Kedua-dua serbuan itu dilakukan sejak akhir bulan lalu bagi mendapatkan dokumen mengenai tender menyusun semula sistem tiket di kesemua 56 stesen KTMB sekitar Lembah Klang. Tender penyusunan semula tiket itu didakwa diberikan kepada syarikat yang tidak ‘berkelayakan’ dengan bidaan RM85 juta walaupun terdapat syarikat lain menawarkan harga yang lebih rendah. Dua syarikat tersebut dikatakan menawarkan bidaan pada harga RM69.8 juta dan RM72.6 juta.

Pengarah Siasatan SPRM, Mustafar Ali berkata, pihaknya telah melakukan serbuan pertama pada akhir Disember lalu. “Serbuan kedua terpaksa dilakukan bagi mendapatkan beberapa lagi dokumen penting untuk tujuan siasatan. “Siasatan ketika ini masih berada di peringkat awal,” katanya yang enggan mengulas lanjut ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini. Notis bagi tender itu dikeluarkan pada 3 Ogos tahun lalu sebelum ditutup pada 29 September. Dalam urusan pemberian tender itu, pihak KTMB didakwa tidak meminta syarikat berkenaan menjalankan demonstrasi sistem yang menjadi syarat terhadap setiap pembida. Lima pembida lain yang disenarai bagi mendapatkan tender tersebut juga didakwa tidak dinilai.

**10 Januari 2011 (Isnin)**

### **ICU nafi ada penyelewengan peruntukan**

IPOH 10 Jan. - Pegawai Kamajuan Negeri Perak, Datuk Hasim Hassan hari ini berkata, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (ICU) menyalurkan kesemua peruntukan RM1.72 juta yang diluluskan bagi kawasan Parlimen Sungai Siput sepanjang tahun lepas. Beliau berkata, Ahli Parlimen Sungai Siput, Dr. Jeyakumar Devaraj dalam kenyataan yang disiarkan sebuah akhbar hari ini telah membuat dakwaan tidak benar apabila menuduh berlaku penyelewengan dalam penyaluran peruntukan itu. Bercakap kepada pemberita di sini, Hasim berkata, ICU menyalurkan peruntukan terus kepada projek pembangunan kawasan dan antara peruntukan terbesar yang disalurkan adalah pembinaan Masjid Al-Ghufraniah Sungai Siput dengan perbelanjaan RM1.1 juta.

“Dakwaan Ahli Parlimen pembangkang daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengenai jumlah peruntukan kepada sebuah sekolah kawasan itu juga tidak tepat,” katanya. Hasim berkata, peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist Sungai Siput adalah sebanyak RM1,500 dan bukan RM2,500 seperti yang didakwa. Beliau berkata, peruntukan kepada sekolah itu dimohon Ahli Dewan Undangan Negeri Lintang, Datuk Ahamed Pakeh Adam. “Peruntukan sebanyak RM300,000 untuk penduduk kurang berkemampuan turut disalurkan semasa perayaan Tahun Baru Cina 2010,” katanya. - BERNAMA

**12 Januari 2011 (Rabu)**

### **Forum - Elaun tidak padan dengan beban guru KAFA**

Bermula tahun ini, elaun guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) telah dinaikkan kepada RM800 daripada RM500 sebelum ini. Namun apa yang amat dikesali oleh semua guru KAFA adalah sebelum tahun 2011, kelas KAFA hanya diadakan selama dua jam sehari dan tiga hari seminggu. Jumlah seminggu adalah enam jam. Tetapi pada tahun ini, kelas KAFA telah dilanjutkan selama tiga jam sehari dan kelas diadakan selama lima hari seminggu. Dengan itu, tempoh waktu mengajar untuk seminggu adalah 15 jam. Elaun dinaikkan sebanyak RM300 sahaja, sedangkan masa mengajar meningkat lebih sekali ganda. Persoalannya, adakah elaun guru KAFA yang dinaikkan kepada RM800 itu memadai. Apa yang nyata elaun itu menunjukkan bahawa semua guru KAFA masih berada di bawah paras kemiskinan. Ini jelas jika dibandingkan dengan harga barang yang telah meningkat berkali ganda sejak awal tahun 2011. Saya yang mewakili suara guru KAFA menggesa pihak kerajaan agar lebih prihatin dan dapat menambah lagi elaun guru KAFA agar berbaloi dengan peningkatan tempoh mengajar daripada enam jam kepada 15 jam seminggu. Semoga harapan kami untuk mendidik anak bangsa tidak akan luntur selama-lamanya.

*GURU KA FA TUA*

**13 Januari 2011 (Khamis)**

### **Kontraktor diminta waspada individu tawar tender sekolah**

KUANTAN 13 Jan. - Para kontraktor di negeri ini diminta berwaspada terhadap seorang individu yang menyamar sebagai pegawai pelajaran daerah untuk menawarkan tender membuat laluan pejalan kaki di sekolah di negeri ini. Individu yang dikesan menjalankan penipuan itu melalui panggilan telefon, akan meminta wang pendahuluan RM1,500 hingga RM3,000 bagi mendapatkan tender. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Supritendan Zaini Jass berkata, wang itu yang dimasukkan ke dalam sebuah akaun peribadi kondonnya untuk sumbangan kepada sekolah terbabit. Setakat ini kata beliau, pihaknya menerima lapan aduan berhubung kes tersebut sejak Oktober tahun lalu. "Kes terbaru dilaporkan pada Isnin lalu melibatkan dua kontraktor kelas F, masing-masing di Kuantan dan Bera. "Kita percaya suspek adalah orang sama berdasarkan nombor telefon dan akaun yang diberikan kepada mangsa," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) negeri di sini semalam. Menurut Zaini, setakat ini, jumlah kerugian dikesan adalah sebanyak RM24,000 melibatkan lapan kontraktor yang dilaporkan sejak Oktober tahun lalu sehingga bulan ini. Selain empat kes di daerah ini, jelasnya, pihaknya juga mendapat dua laporan di Temerloh dan masing-masing satu kes di Jerantut dan Pekan. "Jangan mudah tertipu dan percaya kepada tawaran seperti ini. Kalau boleh siasat dahulu sebelum buat apa-apa tindakan," tegasnya. Beliau menambah, siasatan kes-kes itu dilakukan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

**15 Januari 2011 (Sabtu)**

## **19 ETP rancakkan ekonomi negara**

**Oleh NADZIR AWANG AHMAD**

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengumumkan 19 projek baru dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) menerusi 10 Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) yang membabitkan pelaburan kira-kira RM67 bilion, merangkumi sektor minyak, gas dan tenaga. Projek baru ini dijangka mampu merancakkan lagi ekonomi negara dan akan menjadi momentum terbaik untuk meningkatkan lagi pelaburan swasta selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor swasta sebagai pemasu utama ekonomi negara. Di samping itu, pelaksanaan projek baru itu dijangka mampu untuk menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM36 bilion setiap tahun dan menyediakan 35,000 peluang pekerjaan baru. Antara 19 projek permulaan baru yang diumumkan itu ialah pengembangan loji lilin Sintesis Penyulingan Pertengahan Shell (MDS) di Bintulu dan pembinaan unit memproses diesel di kilang penapisan Shell Port Dickson. Keseluruhan projek itu apabila siap sepenuhnya dijangka mampu menyediakan loji penyimpanan petroleum sehingga lima juta meter padu dan bakal menjadikan negara sebagai hab penyimpanan minyak terunggul rantau ini.

Najib semasa pengumuman itu juga berkata, ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. bersama rakan kongsi pengeluarannya Petronas Carigali Sdn. Bhd., merancang melabur lebih RM10 bilion bagi membantu pembelian aset bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga negara pada masa depan. Secara impaknya, keseluruhan projek-projek yang telah diumumkan itu mampu menjana semula ekonomi negara dan mengurangkan tempias kelembapan ekonomi yang dialami Amerika Syarikat dan Eropah. Ia juga bakal menjadikan negara ini sebagai destinasi pelaburan kepada pelabur asing, seterusnya merancakkan pertumbuhan ekonomi domestik. Justeru, apabila ekonomi negara berkembang, kesan berganda akan terjana merangkumi kewujudan prospek pekerjaan dan pertambahan pendapatan. Selain itu, hasrat kerajaan bagi menjadikan sektor swasta sebagai pemasu ekonomi negara bakal direalisasikan menerusi pelaksanaan 19 projek tersebut.

Pelaksanaannya juga dijangka mampu merangsang bursa tempatan terutamanya tumpuan kepada saham dalam sektor pembinaan, minyak dan gas yang menjadi penerima faedah terbesar dalam projek yang telah diumumkan. Ini membantu bursa mengekalkan pengukuhan sentimen pasaran. Berdasarkan rekod, penanda aras Indeks KLCI FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) mengakhiri dagangan pada 30 Disember 2010 dengan peningkatan 16.2 peratus kepada 1,518.91 mata, berbanding pada 31 Disember 2009, iaitu pada 1,272.78 mata. Komitmen kerajaan dalam merancang program memerlukan sokongan semua pihak terutamanya sektor swasta yang akan bertindak sebagai pemasu ekonomi negara bagi memastikan negara berada di landasan sebenar untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Limpahan dari kelompokan ekonomi negara secara amnya membantu meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat secara keseluruhannya.

*Nadzir Awang Ahmad, Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi Mara, Perlis.*

**15 Januari 2011 (Sabtu)**

**Tender KTMB: SPRM ambil keterangan 17 saksi**

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil keterangan sekumpulan individu termasuk kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi membantu siasatan pemberian tender mencurigakan di syarikat itu yang bernilai jutaan ringgit. Difahamkan, 15 daripada 17 individu terbabit merupakan kakitangan KTMB termasuk pegawai kanan syarikat itu. Pengarah Siasatan SPRM, Mustafar Ali berkata, bagaimanapun, kesemua mereka bukan suspek kes berkenaan sebaliknya diambil keterangan sebagai saksi bagi membantu siasatan. Katanya, selain merakam keterangan, pihaknya turut mengambil beberapa dokumen penting. "Kita telah merakam percakapan mereka sejak awal minggu lalu sehingga semalam secara berperingkat-peringkat.

"Siasatan ketika ini masih berada di peringkat awal," katanya yang enggan mengulas lanjut ketika dihubungi Mingguan Malaysia di sini hari ini. Utusan Malaysia pada Selasa lalu melaporkan, SPRM melakukan dua serbuan di Ibu Pejabat KTMB di sini bagi menyiasat dakwaan pemberian tender mencurigakan bernilai jutaan ringgit. Kedua-dua serbuan itu dilakukan sejak akhir bulan lalu bagi mendapatkan dokumen mengenai tender menyusun semula sistem tiket di kesemua 56 stesen KTMB sekitar Lembah Klang. Tender penyusunan semula tiket itu didakwa diberikan kepada syarikat yang tidak 'berkelayakan' dengan bidaan RM85 juta walaupun terdapat syarikat lain menawarkan harga yang lebih rendah. Dua syarikat tersebut dikatakan menawarkan bidaan pada harga RM69.8 juta dan RM72.6 juta.

**17 Januari 2011 (Isnin)**

**LKIM beri amaran kepada nelayan**

BACHOK 17 Jan. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kelantan memberi amaran akan menarik balik elauan bulanan dan lesen bot nelayan yang didapati menjual diesel subsidi kepada pihak ketiga. Pengarah LKIM negeri, Wan Adnan Wan Ibrahim berkata, pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tersebut sekiranya menerima laporan dan bukti kukuh berkaitan penyelewengan subsidi bahan api itu. Beliau berkata, LKIM tidak boleh bertolak ansur dengan nelayan terbabit kerana penjualan diesel subsidi merupakan satu kesalahan serius. "LKIM tetap memantau perkembangan ini walaupun setakat ini kes seumpama ini dilaporkan tidak berlaku di negeri ini," katanya ketika ditemui di sini semalam. Wan Adnan berkata, kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM1.25 sen seliter kepada setiap nelayan di negeri ini dan pemberian itu sangat bermakna kerana ia dapat meringankan beban mereka, mengambil kira harga semasa bahan bakar itu yang mencecah hampir RM2 seliter. "Kerajaan masih meneruskan pembelaan terhadap kaum nelayan kerana hanya mereka yang masih menikmati pemberian minyak bersubsidi berbanding pengguna lain di negara ini," katanya.

Justeru katanya, nelayan seharusnya bersyukur dan berterima kasih dengan pemberian itu dan tidak bersikap tamak dengan menjual pula diesel subsidi terbabit kepada pihak ketiga bagi mengaut keuntungan segera. Menurutnya, matlamat kerajaan untuk membantu mereka tidak akan tercapai sekiranya nelayan sendiri terus melakukan penyelewengan. Beliau berkata, selain subsidi diesel dan elauan bulanan, Kerajaan Pusat turut menyalurkan peruntukan lebih RM7.2 juta pada tahun lalu bagi pembangunan insan dan pelbagai insentif lain kepada nelayan di negeri ini.

"Daripada jumlah itu, RM1 juta dikhaskan untuk pembayaran elaun sara hidup membabitkan 453 nelayan, RM610,500 lagi di bawah projek pembangunan membabitkan 53 nelayan miskin dan RM175,972 pula berupa insentif produktiviti hasil tangkapan kepada 93 nelayan di Bachok," katanya.

### **17 Januari 2011 (Isnin)**

#### **Korporat - LTAT untung RM747 juta**

KUALA LUMPUR 17 Jan. - Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini mengumumkan keuntungan tertinggi dalam tempoh 38 tahun selepas mencatatkan keuntungan tidak diaudit berjumlah RM747.5 juta bagi tahun kewangan 31 Disember 2010. Jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 34.7 peratus berbanding keuntungan RM554.7 juta yang diraih tahun lepas. Dengan keuntungan itu, semua ahli LTAT yang layak akan menerima dividen dan bonus keseluruhan pada kadar 14 peratus. Bayaran itu membabitkan dividen tujuh peratus, bonus satu peratus dan bonus khas enam peratus dalam bentuk unit amanah yang melibatkan bayaran berjumlah RM616.3 juta. Jumlah aset LTAT bagi tahun yang dilaporkan meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada RM7.6 bilion pada 31 Disember 2010 berbanding RM7.5 bilion tahun lepas.

Caruman ahli pula berjumlah RM6.7 bilion berbanding RM6.3 bilion tahun lepas. Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau gembira dengan keupayaan LTAT mengekalkan rekod cemerlang ketika ekonomi negara sedang pulih. Pada tahun itu, LTAT membayar sejumrah RM677.4 juta kepada 6,055 ahli yang bersara dan RM23.2 juta kepada 4,297 ahli yang layak membeli rumah kediaman atau tanah untuk membina rumah di bawah Skim Pengeluaran Perumahan. Sejumlah RM5.5 juta lagi dibayar kepada 235 ahli di bawah Skim Khairat Kematian dan Hilang Upaya. Daripada jumlah itu, RM4.1 juta dibayar kepada 175 orang di bawah tanggungan ahli yang meninggal dunia sebagai manfaat kematian manakala RM1.4 juta dibayar kepada 60 ahli di bawah manfaat hilang upaya.

### **17 Januari 2011 (Isnin)**

#### **Korporat - PLUS sahkan tawaran UEM, KWSP**

KUALA LUMPUR 17 Jan. - PLUS Expressways Bhd. (PLUS) hari ini mengesahkan cadangan pengambilan alih syarikat itu oleh UEM Group Bhd. (UEM) bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai tawaran yang disahkan. Pengesahan itu mengambil kira UEM dan KWSP telah menyerahkan deposit tunai sebanyak RM50 juta bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan PLUS. PLUS dalam kenyataannya kepada Bursa Malaysia berkata, Lembaga Pengarah telah menilai surat kewangan yang menyatakan keupayaan kewangan UEM dan KWSP untuk mengambil alih syarikat konsesi lebuh raya itu. "Memandangkan Jelas Ulung Sdn. Bhd. tidak mematuhi syarat-syarat yang diumumkan oleh PLUS pada 21 Disember lalu, Lembaga Pengarah akan memaklumkan secara bertulis kepada syarikat tersebut bahawa cadangannya tidak akan dinilai atau diberi pertimbangan kepada pemegang saham PLUS," katanya kepada Bursa Malaysia. Tambahnya, Lembaga Pengarah juga akan mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) bagi mengemukakan resolusi itu seperti notis EGM bertarikh 30 November lalu. Tarikh EGM itu akan diumumkan kelak, kata PLUS. UEM dan KWSP menawarkan untuk mengambil alih semua aset dan liabiliti PLUS pada harga RM23 bilion atau RM4.60 sesaham.

**18 Januari 2011 (Selasa)**

### **Khazanah catat pencapaian terbaik**

KUALA LUMPUR 18 Jan. – Khazanah Nasional Bhd. mencatatkan pencapaian terbaik dalam semua petunjuk kewangan dan portfolio pelaburan penting. Portfolio pelaburan meningkat secara ketara dengan portfolio nilai aset boleh direalisasikan meningkat sebanyak RM21.4 bilion kepada RM112.6 bilion setakat 31 Disember 2010. Nilai bersih diselaraskan juga melonjak RM21.2 bilion kepada RM75 bilion dalam tempoh yang sama. - Utusan

**19 Januari 2011 (Rabu)**

### **RM247j untuk Rancangan Makanan Tambahan Sekolah**

JERANTUT 19 Jan. – Kerajaan memperuntukkan RM247 juta bagi melaksanakan skim Rancangan Makanan Tambahan Sekolah (RMTS) kepada 691,000 pelajar sekolah rendah di seluruh negara tahun ini. Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Puad Zarkashi berkata, ia melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM194 juta berbanding bajet asal RM53 juta. "Pada mulanya, pelaksanaan RMTS akan dilaksanakan berdasarkan statistik yang diperolehi daripada pendaftaran e-Kasih yang membabitkan 54,000 pelajar miskin sahaja.

"Bagaimanapun kementerian menerima banyak rungutan daripada pelbagai pihak berhubung pemilihan menerusi e-Kasih yang mendakwa ramai murid yang layak telah tercicir daripada menerima bantuan ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Ikatan Kasih Sulaman Budi bagi kawasan Parlimen Jerantut. Beliau berkata, kerajaan kemudiannya mengarahkan supaya Kementerian Pelajaran menggunakan senarai daripada Sistem Maklumat Murid yang dibekalkan pihak sekolah bagi memilih pelajar yang layak menerima bantuan.

**21 Januari 2011 (Jumaat)**

### **Rencana - Transformasi pembersihan gejala korupsi sektor awam**

PROSES transformasi dan penambahbaikan dalam sektor awam sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa bagi menjamin kestabilan, kesejahteraan dan kelancaran proses pentadbiran negara. Ideologi perjuangan dan sistem tadbir urus dan pembanterasan korupsi merupakan matlamat perjuangan yang dominan dalam kepimpinan politik pada hari ini. Amalan korupsi ini merupakan tarikan utama dalam pentadbiran Tun Hussein Onn bagi memastikan urus tadbir sektor awam berjalan dengan lebih efektif dan berwibawa. Begitu juga dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memperkenalkan pelbagai dasar dalam kerajaan dengan menyempurnakan dasar-dasar pembangunan yang diketengahkan oleh Perdana Menteri sebelumnya, seperti Dasar Ekonomi Baru. Tun Mahathir tampil memperkenalkan dasar baru seperti Dasar Pembangunan Nasional atau dikenali sebagai Wawasan 2020. Kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak pula menekankan aspek yang sama dalam Pelan Transformasi Kerajaan yang dilancarkan pada awal tahun 2010. Jika disingkap sedikit sebanyak pentadbiran barisan Perdana Menteri Malaysia yang lepas sangat menitikberatkan 'pembersihan gejala korupsi' dalam sektor awam.

Sewaktu Tun Mahathir memulakan tempoh awal pentadbiran, beliau telah melancarkan kempen Kepimpinan Melalui Tauladan pada 19 Mac 1983 yang menggalakkan pekerja sektor awam memotivasi diri mereka sebagai manusia yang mempunyai keperibadian dan mutu kerja yang sentiasa baik. Manakala pada tahun 1998, Tun Mahathir telah melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia tentang sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh setiap individu yang berkhidmat dalam kerajaan. Elemen integriti yang ditekankan oleh beliau sangat berkait rapat dengan etika yang baik. Elemen yang mengukuhkan lagi integriti dalam sektor kerajaan ini adalah sifat amanah dalam pengurusan. Sekiranya pekerja awam tidak memiliki sifat-sifat ini, mereka lebih cenderung terlibat dalam gejala korupsi dan lebih sinonim dengan perbuatan mengambil rasuah. Pembaharuan politik sebagaimana yang ditekankan Tun Abdullah Ahmad Badawi dilihat dari sudut keterbukaan politik yang diperkenalkan olehnya menerusi pelbagai transformasi yang dilakukan sama ada terhadap badan kehakiman, pasukan polis, keterbukaan dan pengamalan media serta penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mengikut corak pendekatan Abdullah yang tersendiri dan sebagainya.

Melalui pendekatan-pendekatan yang digunakan, ia telah merintis ke arah pembaharuan politik yang lebih ideal dan rasional sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Dalam menilai keupayaannya memimpin negara, tidak dinafikan bahawa nilai demokrasi yang menjadi praktis dalam sistem politik Malaysia mula menampakkan keberkesanannya. Penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi mengendalikan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional adalah untuk mempertahankan dan memperkuuh sistem politik yang dilihat begitu signifikan bagi kestabilan, keharmonian dan pembangunan rakyat berbilang kaum, budaya dan agama di Malaysia. Bahkan dari satu sudut, Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan turut mensasarkan matlamat untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang timbul dalam jentera pentadbiran negara. Antara kelemahan dan kekurangan yang dikenal pasti melibatkan unsur politik wang, politik cantas mencantas, politik kronisme, politik nepotisme dan sebagainya (Saifuddin 2007: 172).

Secara tidak langsung, pelaksanaan Pelan Integriti Nasional ini dirasakan tepat sebagai wadah bagi menangani sebarang permasalahan yang timbul dengan memupuk pengamalan politik atau aspek-aspek lain dengan lebih berintegriti serta mengembangkan satu budaya politik yang sihat, matang dan beretika mengikut acuan sendiri. Bahkan, penekanan kepada aspek integriti telah membuka peluang kepada beberapa perkara untuk dilaksanakan dengan lebih telus, demokratik dan terbuka. Antara situasi yang paling ketara adalah langkah pembasmian rasuah besar-besaran sehingga beberapa kes berprofil tinggi telah dibawa ke muka pengadilan, integriti badan kehakiman bagi mengendalikan kes-kes mahkamah tanpa wujudnya kepentingan konflik, integriti Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menganjurkan siri pilihan raya dengan nilai etika dan ketulusan yang tinggi, peningkatan mutu perkhidmatan awam bagi mengurangkan kerentak birokrasi, pengamalan media yang bersifat berkecuali serta lebih liberal dan sebagainya.

Dengan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ia sedikit sebanyak menjadi pengimbang dan penyemak kepada pekerja-pekerja awam dan masyarakat Malaysia daripada terjerumus dalam kancan korupsi ini. Perkara yang membimbangkan bukanlah angka atau peratusan rasuah yang dilaporkan kepada pihak SPM, mahupun pihak polis. Pendekatan yang perlu diambil oleh semua pihak ternyata dapat mempengaruhi indeks persepsi rasuah itu. Antaranya, kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan pemimpin politik dan tokoh korporat dihebahkan secara meluas, dasar-dasar kerajaan yang telus, kesedaran masyarakat tentang rasuah dan peningkatan kes-kes aduan rasuah banyak menyumbang kepada gejala ini daripada menjadi parasit negara. Malah kempen-kempen yang dijalankan oleh SPM perlu diberi kepujian dalam usaha menyedarkan rakyat tentang dosa terjebak dengan rasuah.

Sejajar dengan Pelan Transformasi Negara yang diperkenalkan oleh Najib, ia memfokuskan beberapa program, pelan dan strategi untuk menghapuskan budaya korupsi ini dalam sektor awam dan swasta dengan berorientasikan kepada negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di samping itu juga, matlamat ini dapat membentuk sebuah masyarakat 1 Malaysia yang lebih berhemah tinggi, bermaruah, berilmu dan mengamalkan amalan hidup yang lebih berakh�ak dan mulia. Tanpa kerjasama semua pihak, gejala korupsi ini akan menular sehingga menjadi makanan rutin yang menjana kepada ekonomi negara kita. Laporkan kes rasuah di tempat anda demi maruah dan masa depan anak bangsa Malaysia!

*DR. NOOR SULA STRY YURNI AHMAD ialah Pensyarah Kanan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.*

**24 Januari 2011 ( Isnin )**

### **Rencana-Bila isu IPP hendak diselesaikan?**

**Oleh JOHARDY IBRAHIM pengarang@utusan.com.my**

RUNDINGAN yang masih berjalan di antara kerajaan dengan penjana kuasa bebas (IPP) berkaitan kajian semula kandungan perjanjian pembelian tenaga (PPA) mungkin terlalu ekstrem hendak disamakan dengan rundingan damai Asia Barat. Ini kerana tiada siapa yang mau digambarkan sebagai penindas atau pengaut kesempatan daripadanya, walaupun ia nampak sama dari segi lamanya tempoh ia berlarutan. Yang nyata, ia mendatangkan kerisauan rakyat. Apakah kesan daripada rundingan tersebut (sama ada gagal atau sebaliknya) bakal mendatangkan implikasi terhadap bil elektrik mereka? Apatah lagi rakyat masih terkedu dengan kenaikan 5 sen harga minyak petrol yang pasti memberi impak pada harga barang. Isu penyelarasan kadar caj air telah menyaksikan kesesakan lalu lintas di ibu negara baru-baru ini. Jadi, bagaimana dengan bil elektrik? Ini soalan utama rakyat marhaen. Menurut laporan media, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, Kabinet telah secara prinsipnya bersetuju dengan semakan semula tarif elektrik, cuma belum ada keputusan mengenai masa pelaksanaannya. Semakan semula tersebut selaras dengan pengurangan subsidi seperti yang terkandung dalam Pelan Transformasi Kerajaan.

Namun pada masa yang sama, terdapat rungutan berkaitan isu beban yang ditanggung oleh TNB iaitu membeli tenaga dari IPP pada harga sama rata, tanpa mengira ia membeli banyak atau sedikit daripada mereka. Lebih menghairankan bila ia membabitkan syarikat minyak negara, Petronas yang merungut terpaksa menanggung beban subsidi gas berjumlah RM116 bilion, di mana IPP adalah penerima manfaat terbesar. Hairan bukan kerana ia membabitkan formula matematik yang rumit, sebaliknya membabitkan ilmu perdagangan yang sama sekali di luar buku teks yang diajar kepada pelajar sejak lebih dua dekad yang lalu. Program IPP diperkenalkan selepas insiden bekalan elektrik terputus selama 48 jam di seluruh Semenanjung pada 1992. Siasatan kemudiannya mendapati TNB tidak bersalah atas dakwaan cuai, namun reputasinya rosak teruk. Monopoli TNB bagi penjanaan kuasa dimansuhkan dan program IPP diperkenalkan bagi mengembalikan margin keselamatan bekalan yang mencukupi. Lima IPP yang memeterai perjanjian PPA dengan kerajaan pada 1993 dan dikategorikan sebagai IPP generasi pertama ialah YTL Power Generation Sdn. Bhd., Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., Segari Energy Ventures Sdn. Bhd., Powertek Bhd. dan Port Dickson Sdn. Bhd. Sejak 2006, kerajaan telah berusaha merundingkan semula PPA dengan pemegang konsesi IPP generasi pertama ini tetapi masih buntu. Tempoh konsesi akan tamat pada akhir tahun 2015.

Terdapat dua kaedah pembayaran kepada IPP iaitu pembayaran kapasiti (CP) dan pembayaran tenaga (EP) yang merupakan struktur pembayaran lazimnya bagi penjana tenaga di seluruh dunia. CP bermaksud pembayaran kepada pemilik penjana kerana menyediakan loji. Komponennya merangkumi kadar tetap O&M (FOR), pulangan atas ekuiti dan khidmat penjelasan semula hutang EP pula adalah pembayaran kepada IPP untuk menampung kos operasi loji jana kuasa, selain membayar kos bahan api. Kos bahan api adalah *pass through* iaitu apa sahaja kos bahan api yang diperlukan bagi menjana elektrik akan dicaj kepada pengguna. Huraian di atas berkait rapat dengan dakwaan pihak tertentu baru-baru ini bahawa kerajaan membazirkan RM15.1 bilion duit rakyat untuk membayar IPP. Apa yang sebenarnya ialah subsidi bahan api (yang lebih murah berbanding harga gas di pasaran) oleh Petronas diberikan kepada semua loji jana kuasa di Semenanjung, termasuk loji milik TNB.

Jadi subsidi bahan api yang didakwa sebagai pembaziran itu sebenarnya disalurkan kepada pengguna seperti kita menerusi mekanisme pembayaran di atas. Subsidi bahan api itu diwujudkan kerana kerajaan mahu tarif elektrik kekal di paras rendah untuk pengguna. Dalam erti kata lain, rungutan Petronas itu ialah kerana ia tidak dibenarkan menjual gas kepada IPP pada harga pasaran, sekali gus mendatangkan keuntungan kepada IPP semata-mata. Pada Petronas, ini tidak adil. Tetapi bukan soal subsidi yang menjadi isu tumpuan di sini. Sebaliknya perihal kandungan perjanjian PPA antara TNB dengan IPP yang 'berat sebelah'. Penulis sebuah portal berita berbahasa Cina, Neo Chee Hua merumuskan: "...dalam isu subsidi gas dan bekalan elektrik, IPP menjadi penerima manfaat terbesar, sementara Petronas, TNB, kerajaan, malah rakyat perlu menanggung kerugian akibat daripadanya". Beliau memetik laporan Jeff Rector, penyelidik dari Universiti Stanford di bawah Program Mengenai Pembangunan Tenaga dan Keberkekalan, berjudul Pengalaman Pelaburan IPP di Malaysia, pada 2005 bahawa syarat *take or pay* yang digariskan dalam PPA menyatakan bahawa TNB bertanggungjawab untuk membiayai kuasa elektrik IPP, sama ada bekalan tersebut 'diperlukan atau tidak'.

Menurut laporan ini, kesemua IPP fasa pertama menjana kuasa elektrik dengan gas semula jadi, yang dibekalkan Petronas secara khususnya. Syarat PPA menyatakan bahawa risiko kenaikan kos gas semula jadi ditanggung sepenuhnya oleh Petronas. Malah, dalam PPA untuk IPP generasi pertama, bekalan elektrik ditetapkan pada harga antara 13.7 sen dan 15.5 sen per kilowatt-jam, jelas lebih tinggi daripada kos yang dihasilkan TNB sendiri. Harga ini ditetapkan dengan mengambil purata anggaran inflasi untuk tempoh 21 tahun. Maka dengan ini, untuk beberapa tahun pada peringkat awal secara khususnya, IPP akan mengaut keuntungan yang besar dan keuntungan akan berkurangan apabila sampai ke peringkat akhir tempoh 21 tahun ini. Malah, IPP berpeluang untuk menjelaskan kos permulaannya (modal) pada peringkat awal tempoh 21 tahun ini, dan terus menikmati keuntungan setahun demi setahun kemudiannya.

Selain itu, Jeff Rector mendedahkan bahawa lima buah IPP fasa pertama dijamin dengan pulangan 20 peratus dalam perjanjian konsesi ini. Tetapi, IPP ini memperoleh pulangan yang lebih tinggi daripada 20 peratus itu. Kelembapan kemajuan yang dapat dicapai dalam rundingan PPA ini tidaklah pelik sangat. Semua tahu kontrak yang dimeterai sukar ditamatkan sewenangnya, apalagi ia berkait rapat dengan imej 'mesra perniagaan' yang hendak disampaikan oleh kerajaan ke mata dunia, selain risiko gangguan kepada sistem perdagangan seperti sektor perbankan yang telah menjamin banyak ekuiti dalam sektor tenaga. Implikasinya kepada kerajaan ialah selagi kemelut dengan IPP ini tidak dimuktamadkan, ia akan terus menjadi liabiliti di mata rakyat yang makin lantang mempersoalkan bagaimanakah perjanjian berat sebelah sebegini boleh dimeterai pada 1993 dan kerajaan harus menanggung isu ini dalam pentas politik tatkala ia menjadi 'peluru mudah' bagi parti pembangkang untuk terus menerus menembak kredibiliti kerajaan. Terdapat beberapa isu yang sedang dirunding dalam PPA iaitu IPP mahu memastikan loji-loji mereka terus digunakan selepas tamat konsesi pada akhir 2015. Kerajaan pula mahu membaiki kelemahan syarat-syarat asal dalam PPA.

Apa pun yang sedang berlaku dalam rundingan sekarang, IPP tahu bagaimana imej mereka di mata rakyat, apakah lagi ia sering menjadi senjata kepada parti pembangkang dalam siri ceramah mereka. Pesanan ringkas kita kepada IPP ialah 'bertolak-ansurlah demi rakyat. Jadikan rakyat keutamaan lebih daripada soal keuntungan mutlak peribadi.'

## **25 Januari 2011 (Selasa)**

### **Perkeso tanggung pampasan RM1.549 b tahun lepas**

LABIS 25 Jan. – Bayaran tuntutan pampasan akibat kemalangan di seluruh negara yang terpaksa ditanggung Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun lepas, telah meningkat kepada RM1.549 bilion, 19.1 peratus lebih tinggi daripada 2009 iaitu sebanyak RM1.3 bilion. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata, jumlah tersebut menunjukkan masih ramai pekerja khususnya di sektor perladangan dan perindustrian tidak mengambil berat tentang keselamatan dan kesihatan mereka, di sebalik pelbagai kempen yang dijalankan oleh kementerian. "Di Johor misalnya, laporan audit yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia di 103 ladang di sini mendapati, tiada ladang yang mencapai tahap cemerlang, 10 ladang (9.7 peratus) berada di tahap baik, 38 ladang (36.9 peratus) di tahap sederhana, 37 ladang (35.9 peratus) di tahap kurang baik dan 18 ladang (17.5 peratus) berada di tahap lemah.

"Secara keseluruhannya, hasil audit menunjukkan tahap pematuhan keselamatan di sektor perladangan masih kurang memuaskan di mana tiada ladang pun mencapai tahap cemerlang dan tidak semua ladang mematuhi ketiga-tiga aspek penting dalam sistem pengurusan keselamatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Peningkatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Ladang Sungai Labis, di sini hari ini. Maznah berkata, kementerian melalui agensi berkaitan seperti Perkeso, JKPP, Jabatan Tenaga Kerja dan Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) telah berusaha untuk memperhebatkan lagi kempen di kilang-kilang dan premis majikan untuk mengurangkan kadar kemalangan. – Bernama

## **25 Januari 2011 (Selasa)**

### **Kesihatan- Tangani tekanan di pejabat**

#### **Oleh ZUHA YATI YAZID**

DUNIA pekerjaan memberi pengaruh yang cukup terkesan dalam kehidupan. Apa tidaknya satu pertiga daripada kehidupan seharian diluangkan di tempat kerja. Keadaan ini, jika bijak dikawal akan meningkatkan produktiviti dan motivasi kepada seseorang, tetapi jika sebaliknya akan memberi impak negatif kepada diri sendiri. Pakar Psikiatris di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Dr. Muhammad Muhsin Ahmad Zahari menjelaskan, tekanan sebenar yang dihadapi di tempat kerja merupakan tindak balas fizikal, emosi dan juga mental seseorang terhadap sebarang perubahan atau tuntutan kerja. Biarpun ia bukan satu penyakit kronik, namun begitu, jika tekanan adalah tinggi dalam jangka masa yang panjang ia boleh menjelaskan kesihatan dan kreativiti. "Banyak implikasi negatif berlaku apabila seseorang tidak dapat mengawal tekanan kerjanya.

Panas baran, murung, gelisah, kelesuan, resah, ketakutan dan hilang tumpuan adalah antara kesannya. "Keadaan ini jika dibiarkan akan memudaratkan diri sendiri serta kesihatan," katanya. Ujarnya, kebiasaan pekerja yang tertekan akan menunjukkan ciri-ciri negatif kepada dirinya, malah dari sudut produktiviti kerja pula turut terjejas sehingga boleh menjelaskan motivasi seseorang itu. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tekanan di pejabat dilabel sebagai 'Penyakit' abad ke-20 dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga melaporkan bahawa tekanan ialah Epidemik Dunia. Malah WHO juga menjangkakan bahawa tekanan di tempat kerja merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada semua lima penyakit utama di dunia iaitu penyakit jantung, kemurungan melampau, kemalangan jalan raya, strok dan penyakit paru-paru yang kronik menjelang tahun 2020. Di Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (1996) menunjukkan kadar prevalen kemurungan ialah pada 11 peratus, kejadian bunuh diri yang tinggi iaitu 2,000 orang setahun dengan purata 7 orang sehari dan 13.7 peratus remaja Malaysia khususnya pelajar menghadapi masalah kesihatan berkaitan mental.

Ditanya apakah punca utama sehinggakan berlaku tekanan di tempat kerja, Dr. Muhammad Muhsin menjelaskan pelbagai faktor boleh mendorong seseorang itu menjadi tertekan. Antaranya suasana kerja, persekitaran yang bising, interaksi dan pelbagai lagi. Selain itu, situasi tekanan dengan tugas yang diberikan oleh majikan juga mendorong seseorang itu lebih tertekan. "Keadaan ini menyebabkan pekerja berasa bosan untuk datang bekerja sehingga menyebabkan dia suka mengasingkan diri daripada pekerja-pekerja lain," ujarnya. Situasi ini juga akan mendorong untuk pekerja itu menjadi malas ke pejabat sehinggakan merasakan dirinya tidak sesuai dengan tugas yang diberikan kerana terlalu rendah taraf atau terlalu terbeban. Bagaimanapun ketika ditanya mengenai strategi untuk mengurangkan tekanan di pejabat, beliau menjelaskan, pelbagai cara boleh digunakan, bagaimanapun ia bergantung kepada diri seseorang itu. "Bagi sesetengah individu bersukan boleh melegakan tekanan yang dihadapi namun bagi sesetengah orang pula meluah atau berkongsi cerita kepada seseorang adalah cara terbaik untuk melegakan tekanan yang di hadapi.

"Semua ini bergantung kepada diri seseorang bagaimana dirinya untuk melepaskan perasaan itu," jelasnya. Katanya lagi, bercuti juga mampu memberikan kelegaan kepada pekerja itu kerana melupakan seketika masalah yang dihadapi. Bagaimanapun dalam masa sama, cubalah berkongsi cerita dengan orang yang paling rapat dengan kita antaranya seperti suami, ibu bapa atau rakan. Katanya, melalui perkongsian cerita itu ia mampu mengalihkan perasaan tertekan dan juga marah itu menjadi reda. Bagaimanapun, bagi yang beragama Islam digalakkan juga untuk bermunajat kepada Allah dengan berdoa atau melakukan solat-solat sunat. Selain itu, tegasnya, kehidupan yang sihat adalah sesuatu cara yang paling baik untuk menyelesaikan masalah tekanan. "Tidak salah kalau kita bahagikan masa antara kerjaya dan juga diri sendiri kerana pengurusan masa yang betul mampu memberikan ketenangan pada seseorang," ujarnya serius.

**25 Januari 2011 (Selasa)**

**Bersediah untuk bersara?**

**Oleh NOOR FAZRINA KAMAL** [fazrina.kamal@utusan.com.my](mailto:fazrina.kamal@utusan.com.my)

BILA mendengar perkataan 'bersara', ada yang tersenyum dan tak kurang juga yang mula risau. Tersenyum kerana pasti sudah bersedia dan mempunyai perancangan lengkap untuk detik tersebut, tapi bagi yang belum tentu mula gelabah. Memang ramai juga golongan yang menganggap tidak perlu gusar apabila memikirkan hal itu memandangkan perbelanjaan mereka di hari tua ditabung menerusi duit simpanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pence, gratuiti, tabungan atau wang pelaburan menjamin kelangsungan hidup selepas bersara. Persoalannya sejauh mana rakyat Malaysia sebenarnya bersedia untuk menghadapi kehidupan selepas bersara? Apakah yang mula difikirkan menjelang usia 40-an dan apakah antara strategi yang menjadi punca pendapatan selepas bersara? Cukupkah pendapatan yang ditabung untuk menampung kehidupan selepas tidak lagi bekerja? Laporan Skop Persaraan Axa 2010 oleh Syarikat Axa Affin Life Insurance Berhad, sekali lagi menerbitkan hasil kajian mereka. Antara intipati laporan tersebut memberitahu, undang-undang Malaysia menetapkan umur persaraan rasmi ialah 55 tahun. Namun undang-undang negara ini juga membenarkan untuk seorang pekerja itu bersara pada usia 60 atau 50 tahun bergantung kepada keadaan. Tinjauan Skop Persaraan Axa 2010 yang bertujuan mengukur dan menentukan sejauh mana rakyat negara ini bersedia menghadapi persaraan mereka, mendapati dua pertiga daripada rakyat Malaysia bersara pada usia 55 tahun.

Jumlah itu menjadikan Malaysia negara yang ketiga tertinggi bersara pada usia 55 tahun selepas India dan China. Salah satu hasil tinjauan yang telah dijalankan oleh Axa Affin Life Insurance Berhad, baru-baru ini mendapati bahawa paksaan persaraan awal telah menurun secara dramatik sejak tahun 2007. Tetapi persaraan awal secara sukarela pula telah meningkat dan ia dapat dilihat di kalangan pekerja wanita berbanding lelaki. Fakta dalam kajian tersebut juga menunjukkan umur persaraan paling tinggi di dunia ialah di kalangan warga Amerika Syarikat iaitu kira-kira 58 hingga 64 tahun, diikuti Australia, Eropah, United Kingdom dan Perancis yang rata-rata masih bekerja pada usia 63 tahun. Manakala umur persaraan majoriti di kelima-lima buah negara maju ini ialah antara 57 hingga 61 tahun. Hasil tinjauan Skop Persaraan Axa 2010 mendapati sebanyak 38 peratus pekerja mula bersedia untuk bersara apabila umur mereka menjangkau 40 tahun dan selebihnya hanya mula melakukan persediaan bila usia menjelang 50 tahun.

"Malaysia adalah salah satu negara di mana populasi bekerja sedar tentang pendapatan mereka lepas bersara seperti wang KWSP, tabungan dan sebagainya. Namun keyakinan bahawa mereka mempunyai pendapatan yang cukup lepas bersara kelak menurun sejak 2007. "Hanya 14 peratus pekerja yang pasti tentang pendapatan mereka lepas bersara , manakala 37 peratus lagi berupaya memikirkan pence, mereka mencukupi untuk kehidupan selepas bersara nanti," memetik kenyataan yang dikeluarkan oleh Axa Affin Life Insurance Berhad tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa tiada desakan bagi rakyat Malaysia untuk melakukan perancangan bersara mereka terlalu awal. Biasanya mereka yang mula merancang pula kerana adanya anak ataupun kerana sudah mempunyai perancangan untuk berkahwin. "Adanya anak adalah punca utama mengapa rakyat Malaysia mula memikirkan tentang strategi selepas bersara. Ramai yang menganggap duit pence adalah punca pendapatan terbaik selepas bersara, namun untuk memaksimumkan pendapatan ada juga yang mengambil langkah proaktif seperti melakukan tabungan sejak usia muda. Malah cara simpanan yang disukai rakyat negara ini ialah pelaburan dan tabungan.

Buktinya lebih 50 peratus memilih tabungan peribadi. Jika dibandingkan dengan India mahupun Amerika Syarikat, rakyat Malaysia lebih yakin dengan tabungan yang mereka buat sendiri dan demi meneruskan pendapatan selepas bersara pula mereka memilih untuk melabur atau simpanan lain." Kesimpulannya, walaupun apa jua cara anda selepas bersara, pastikan anda melakukan persediaan mental dan fizikal demi memastikan kehidupan masa depan yang berkualiti dan baik.

**26 Januari 2011 (Rabu)**

**UNIMAP, UUM hasrat wujud IPTS tawar pengajian diploma**



**Dr. Kamarudin Hussin (kanan) bersalaman dengan Dr. Mohamed Mustafa Ishak selepas sidang media sempena Lawatan Kerja Pengurusan Tertinggi UUM ke Universiti Malaysia Perlis di Kangar, kelmarin.**

KANGAR 26 Jan. - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) berhasrat bergabung kepakaran bagi mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan pengajian peringkat diploma. Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata institusi itu akan memainkan peranan sebagai "pembekal" lulusan diploma untuk universiti tempatan yang lain bagi pengajian peringkat yang lebih tinggi. "Kami yakin kerjasama antara UniMAP dan UUM akan membolehkan hasrat itu dicapai," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi UUM yang diketuai Naib Canselornya Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak, di sini, semalam.

Selain itu katanya, kedua-dua universiti tersebut turut berbincang untuk mewujudkan universiti berkembar dalam bidang pembangunan sosial, ekonomi dan teknikal. Sementara itu, Mohamed Mustafa berkata UUM dan UniMAP juga akan bekerjasama membangunkan beberapa bidang yang telah dikenal pasti termasuk pertukaran pelajar dan program kebudayaan. Selain itu katanya, masing-masing juga akan menggunakan kelebihan yang ada pada kedua-dua institusi untuk merangka cadangan pembangunan sosial melibatkan masyarakat di kawasan sempadan negara. "Saya yakin UUM dan UniMAP akan menjadi perintis gabungan mantap itu di utara Semenanjung melalui kerjasama yang bakal direalisasikan," katanya. - BERNAMA

**27 Januari 2011 (Khamis)**

### **MBI lulus tunggakan hutang stadium PAFA**

IPOH - Majlis Bandar Raya Ipoh (MBI) memutuskan untuk melupuskan hutang sewa penggunaan Stadium Perak oleh Persatuan Bola Sepak Perak (PAFA) kira-kira RM800,000 yang tertunggak sejak 2003. Datuk Bandar, Datuk Roshidi Hashim berkata, keputusan itu dicapai sebulat suara dalam Jawatankuasa Mesyuarat Am MBI, baru-baru ini. Menurutnya, MBI bagaimanapun mengenakan syarat supaya PAFA menggunakan logo korporat MBI pada jersi pemain skuad Liga Super negeri itu. "Keputusan ini merupakan bantuan kita kepada PAFA. Ini adalah sumbangan yang dapat kita berikan kepada PAFA, bagi menyelesaikan masalah tunggakan hutang sejak 2003," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan pembukaan kaunter pandu lalu MBI, semalam. Dalam pada itu, katanya, MBI telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja menukar lampu limpah Stadium Perak mengikut spesifikasi yang ditetapkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Sehubungan itu, katanya, perlawanan venue pasukan '*kejor yob kejor*' di Stadium Perak kini boleh dilangsungkan pada sebelah malam, kerana kerja menaik taraf lampu limpah sudah mencapai lebih daripada tahap pencahayaan minimum 800 lux yang ditetapkan.

**27 Januari 2011 (Khamis)**

### **Perlu siasat aliran keluar wang haram Malaysia – Ramon**

KUALA LUMPUR 27 Jan. – Terdapatnya keperluan untuk menyiasat dan mengambil tindakan pemulihan seandainya perlu, berhubung dengan laporan aliran keluar wang haram dari Malaysia, kata Pengerusi Pusat untuk Kajian Dasar Awam Institut Kajian Strategi & Kepimpinan (ASLI), Tan Sri Ramon Navaratnam. Baru-baru ini, laporan oleh pemantau kewangan, Integriti Kewangan Global (GFI) menyebut yang aliran keluar wang haram dari Malaysia pada 2000 ialah RM67.7 bilion (US\$22.2 bilion) dan lapan tahun kemudian, ia melambung kepada RM208 bilion (US\$68.2 bilion). "Kita perlu tanya diri kita sendiri mengapa wang ini keluar," kata Ramon kepada pemberita di Persidangan ke-13 Tinjauan Strategik Malaysia 2011 di sini hari ini. Presiden Dewan Perdagangan Amerika-Malaysia, Datuk Nicholas Zefferys memberitahu pemberita yang Bank Negara Malaysia telahpun menetapkan peraturan pengubahan wang haram yang ketat. "Malaysia mempunyai perlindungan kukuh terhadap pengubahan wang haram dalam sistem perbankan tradisional," kata beliau. – Bernama

**29 Januari 2011 (Sabtu)**

**Pusat selidik ekologi terbesar dunia**

**Oleh MOHD. RIDZWAN IMAN pengarang @utusan.com.my**



**NAJIB Tun Razak melambai tangan sewaktu menyeberangi Jambatan Maliau bersama Musa Aman sewaktu melawat Kem Kesedaran Alam Sekitar di kawasan pemuliharaan Lembangan Maliau, Sabah, semalam.**

TAWAU 29 Jan. - Lembangan Maliau akan menjadi pusat penyelidikan ekologi terbesar dunia hasil penubuhan Pusat Pembelajaran Lembangan Maliau dan pelancaran program penyelidikan di kawasan hutan pemuliharaan terkenal itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelaksanaan kedua-dua projek di kawasan hutan perlindungan yang juga dikenali sebagai 'The Lost World' (Dunia yang hilang) Sabah itu membuktikan komitmen negara dalam memulihara alam sekitar dan menguruskan hutan secara mapan. "Projek penyelidikan selama 10 tahun itu bertujuan mengkaji kesan alam sekitar daripada aktiviti pengubahsuaian hutan seperti pembalakan dan pembangunan ladang dari kawasan hutan," katanya ketika merasmikan pusat kajian itu yang terletak kira-kira empat jam perjalanan dari sini.

Katanya, projek penyelidikan dikenali sebagai Kestabilan Ekosistem Hutan Yang Berubah (SAFE) itu melibatkan kerjasama antara Yayasan Sime Darby dengan saintis dari Program Penyelidikan Hutan Hujan Asia Tenggara Royal Society, United Kingdom. Dalam lawatan pendek hari ini, Najib yang menjadi Perdana Menteri pertama melawat kawasan itu juga sempat meluangkan masa menaiki 'skybridge' atau laluan kanopi merentasi Sungai Maliau di Kem Belian yang terletak tidak jauh dari sini. Najib berkata, Lembangan Maliau akan memainkan peranan penting dalam penyelidikan tersebut kerana ia mengandungi flora dan fauna unik serta beberapa spesies haiwan dilindungi. "Hanya 25 peratus daripada kawasan hutan Lembangan Maliau yang terdiri daripada kawasan seluas 58,000 hektar telah diteroka setakat ini melalui ekspedisi-ekspedisi yang dijalankan pada 1986, 1996, 2001 dan 2005. "Difahamkan jumlah air terjun yang terdapat di kawasan ini melebihi di Semenanjung Malaysia dan setakat ini 40 daripadanya telah ditemui," katanya.

Beliau berkata, kelebihan lembangan itu menjadikan ia sebagai kawasan yang sangat sesuai untuk menjalankan penyelidikan jangka panjang memandangkan Malaysia merupakan salah satu daripada 12 negara yang mempunyai mega biodiversiti di dunia. Katanya, penghargaan kepada ciri-ciri unik, kepelbagaian dan nilai yang ditawarkan oleh hutan hujan tropika negara, kita mesti melindungi sistem dan sumber alam ini selaras dengan Konvensyen Kepelbagai Biologi. "Hasil penyelidikan projek ini bukan sahaja akan memberi faedah kepada ahli akademik tetapi juga kesan kepada negara, industri kelapa sawit, Kumpulan Sime Darby dan masyarakat melalui kesedaran awam, pembinaan keupayaan, peluang pekerjaan dan faedah ekonomi masyarakat setempat," katanya.

Setakat ini tiada kajian menyeluruh dijalankan dalam mengenal pasti kesan penebangan hutan kepada hidupan liar, kualiti air, kestabilan tanah, suhu dan sebagainya. "Sehubungan itu, kajian ini akan menjadi penyumbang utama kepada kita untuk memahami bagaimana biodiversiti boleh dilindungi dan diuruskan dengan baik di kawasan perladangan yang dibangunkan," katanya. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berkata, projek SAFE juga akan melibatkan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Sabah, Yayasan Sabah dan Imperial College. Katanya, Lembangan Maliau yang terletak di selatan negeri itu telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dikategorikan sebagai Hutan Simpan Perlindungan Kelas 1, iaitu ia tidak boleh diteroka kini dan juga masa depan. Pusat Pembelajaran Lembangan Maliau mula dibina pada Oktober 1999 dan siap pada September 2003. Syarikat IKEA menjadi penyumbang utama kepada pembangunan pusat kajian ini yang menyumbang pembinaan kem satelit, jambatan dan laluan, menara tinjau dan jambatan gantung Maliau. Pengerusi Yayasan Sime Darby, Tun Musa Hitam pula berkata, sumbangan sebanyak RM30 juta oleh yayasan untuk projek itu membuktikan syarikat perladangan di Malaysia bertanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar di sebalik usaha pembukaan ladang-ladang baru.

### **30 Januari 2011(Ahad)**

#### **138 kes pencerobohan trek LRT tahun lalu**

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Sistem transit aliran ringan (LRT) aliran Kelana Jaya merekodkan sebanyak 138 kes pencerobohan ke landasan pada 2010, dengan kebanyakan kes melibatkan penumpang mengutip barang mereka yang terjatuh ke landasan selain orang ramai melintasinya. Pengarah Rel, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Khairani Mohamed berkata Stesen Pasar Seni merekodkan kes pencerobohan tertinggi iaitu 15, diikuti oleh KL Sentral dan Gombak yang masing-masing mencatat 12 kes. "Pencerobohan ke landasan menimbulkan bahaya kepada pengguna LRT dan menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan itu," katanya, dalam kenyataan akhbar di sini hari ini. Khairani berkata, ada yang turun atau melompat ke atas landasan LRT untuk mengutip barang mereka yang terjatuh atau memang sengaja memasuki trek. Perbuatan ini bukan sahaja menyebabkan bahaya kepada diri mereka tetapi juga terhadap penumpang di dalam tren. Khairani berkata, pencerobohan menyebabkan tren tanpa pemandu, yang digunakan oleh sistem LRT Kelana Jaya, untuk berhenti secara automatik kerana sistem pemberhentian kecemasan atau Platform Intrusion Emergency Stop (PIES) diaktifkan sebaik sahaja sesuatu yang beratnya melebihi tujuh kilogram mendarat di atas trek. Kuasa elektrik akan terputus secara automatik yang menyebabkan tren dalam kawasan sekitar untuk berhenti serta merta.

Oleh itu, perkhidmatan itu akan tergendala sehingga keadaan kembali selamat apabila tren terkandas di landasan. Penumpang di dalam tren berkenaan mungkin mengalami kejutan akibat pemberhentian serta merta. Tahun ini sahaja, dua kes pencerobohan dilaporkan di Aliran Kelana Jaya. Insiden terbaru berlaku pada 19 Januari, di mana seorang penceroboh merentasi landasan antara Stesen Setiawangsa dan Sri Rampai. PIES diaktifkan secara automatik dan kuasa terputus serta merta sehingga menyebabkan dua tren empat gerabak terhenti di antara dua stesen berkenaan. Kejadian itu telah menyebabkan sistem tergendala selama 20 minit. Khairani mengingatkan bahawa menceroboh merupakan kesalahan serius dan pelakunya boleh didakwa kerana ia bukan sahaja menyebabkan bahaya kepada penumpang lain dan menyebabkan perkhidmatan tergendala. Anggota polis bantuan atau pegawai keselamatan syarikat itu akan menangkap pelaku dan membawanya ke balai polis terdekat untuk tindakan selanjutnya. Pelaku boleh didakwa di bawah Seksyen 62 Akta Kereta Api 1991 (Akta 463) yang membawa kepada dikenakan denda tidak melebihi RM5,000.

Akta yang sama turut memperuntukan denda RM1,000 ke atas mereka yang enggan mematuhi arahan meninggalkan landasan atay premis landasan oleh pegawai. Khairani seterusnya menasihatkan penumpang agar menjaga barang mereka dan mematuhi peraturan ketika menunggu di platform stesen. Penumpang yang memerlukan bantuan boleh meminta daripada kakitangan yang bertugas atau kakitangan keselamatan untuk mengutip barang mereka yang terjatuh. Mereka juga boleh meminta bantuan terus daripada Pusat Kawalan Operasi menggunakan Telefon Bantuan Penumpang (PAT) yang terdapat di setiap platform.

### **30 Januari 2011(Ahad)**

#### **Bayaran jual getah perlu disegerakan - Raimi**

TENOM 30 Jan. -Tindakan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) menangguhkan bayaran pembelian getah dari penduduk kampung di daerah ini tidak wajar kerana membebankan pekebun kecil getah. Sehubungan itu, Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raimi Unggi meminta pihak berkenaan mengatasi masalah itu dengan menyegerakan pembayaran dalam setiap urusan jual beli getah. "LIGS perlu berbuat demikian bagi mengelakkan pekebun kecil menghadapi kesulitan ekoran kelewatan pembayaran hasil getah mereka. "Apabila lewat membuat pembayaran, ramai pekebun kecil di kawasan pedalaman yang membabitkan daerah Tenom, Keningau, dan Nabawan menghadapi masalah kewangan kerana kebanyakan mereka bergantung kepada hasil getah," tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan kad ucapan Tahun Baru Cina kepada peniaga-peniaga di sekitar Pekan Tenom di sini hari ini. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melalap, Datuk Radin Malleh dan Penolong Pegawai Daerah Tenom, Clarence Puin Pinduru. Menurut Raime, beliau menerima banyak aduan daripada pekebun kecil di daerah itu mengenai kelewatan pembayaran berkenaan. Malah, jelasnya, ada aduan yang diterimanya mendapati LIGS membuat pembayaran terlalu lewat sehingga melebihi dua minggu. Tegasnya, perkara seperti itu harus dihentikan dan LIGS mesti mencari langkah-langkah yang drastik bagi mengatasinya. "Keadaan ini perlu diperbetulkan dan ia penting bagi memastikan isu bayaran itu tidak dimanipulasikan oleh pembeli-pembeli lain dengan menurunkan harga apabila membeli getah pekebun berkenaan," katanya. Sementara itu, seorang pekebun kecil getah, Angkatil Angka, 50, berkata, kelewatan pembayaran berkenaan telah menyukarkannya mengurus perbelanjaan keluarga. Katanya, beliau amat sedih kerana masalah itu turut menjelaskan perbelanjaan sekolah anak-anaknya. "Apa yang berlaku sekarang LIGS tidak menepati janji mereka kerana membeli getah pada 13 Januari lalu tetapi sehingga kini bayaran masih belum dilakukan," ujarnya

### **31 Januari 2011(Ismi)**

#### **RM297 juta untuk pekebun kecil**

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Kerajaan memperuntukkan RM297 juta melalui Skim Bantuan Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil bagi membantu meningkatkan produktiviti serta pendapatan pekebun kecil. Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, kedua-kedua skim tersebut merupakan salah satu daripada lapan Projek Permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) berkaitan sawit.

Menurutnya, di bawah NKEA sawit, sumbangan industri sawit kepada Pendapatan Negara Kasar dijangka meningkat ke RM178 billion menjelang 2020, berbanding RM52.7 billion pada tahun 2009. "NKEA sawit mensasarkan lima EPP untuk aktiviti-aktiviti huluan, manakala baki tiga EPP akan lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti hiliran," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Beliau berkata, skim Bantuan Tanam Semula Sawit bertujuan membantu pekebun kecil dan individu untuk menanam semula pokok baru bagi menggantikan pokok-pokok sawit yang tua serta tidak produktif. Katanya, skim tersebut khusus untuk mereka yang memiliki kebun berkeluasan kurang dari 40 hektar dan sebanyak RM7,000 diperuntukkan untuk setiap hektar meliputi kos pembersihan serta bekalan benih sawit. "Selain itu, pekebun kecil yang mempunyai keluasan kurang dari 2.5 hektar akan menerima Bantuan Penyelenggaraan Kebun sebanyak RM500 sebulan, selama dua tahun," jelas beliau.

Bagi Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil, permohonan dibuka kepada pekebun kecil persendirian di Semenanjung dengan keluasan tanah kurang dari lima hektar manakala bagi Sabah dan Sarawak berkeluasan kurang dari tujuh hektar. Skim terbaru ini akan dilaksanakan oleh kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Setakat Disember tahun lalu, seluas 449,415 hektar ladang sawit di seluruh negara perlu ditanam semula dan daripada jumlah tersebut 109,083 hektar adalah milik pekebun kecil. Kementerian turut menggesa pekebun kecil mendapatkan khidmat nasihat penanaman sawit dan pematuhan Amalan Pertanian Baik bagi memastikan pengeluaran hasil yang tinggi dan berkualiti dalam jangka panjang. Bekalan anak benih sawit boleh diperolehi daripada tapak semai yang mempunyai Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian Sawit yang dilaksanakan oleh MPOB.

### **31 Januari 2011 (Isnin)**

#### **UKM tubuh 33 syarikat komersialkan produk penyelidikan**

BANGI 31 Jan. - Sebanyak 33 buah Syarikat Terbitan Universiti (STU) ditubuhkan di bawah UKM Technology Sdn. Bhd. (UKM Tech) bagi mengkomersial hasil produk Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) milik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). UKM Tech turut meletakkan sasaran di mana kesemua syarikat itu mampu menjana pulangan mencecah RM30 juta dalam tempoh empat tahun akan datang. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ikmaluddin Ismail berkata, sasaran itu menyamai peruntukan keseluruhan berjumlah RM30 juta yang dijangka diperolehi oleh semua syarikat berkenaan. Menurutnya, 10 syarikat dibiayai oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) berjumlah RM20 juta manakala bakinya masih dalam proses permohonan bagi mendapatkan pembiayaan di bawah Geran Skim Penyelidikan Prototaip (PRGS) sebanyak RM500,000 kepada setiap syarikat. "UKM kini memiliki 490 produk hasil penyelidikan yang telah dipatenkan, bagaimanapun tahap pengkomersialan masih ditahap rendah "Diharapkan program ini berjaya mengetengahkan hasil penyelidikan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pengenalan 33 STU itu dan Pusat Keusahawanan dan Pembangunan IKS yang dilakukan oleh Menteri Pengajian Tinggi; Datuk Mohamed Khaled Nordin di sini hari ini. Turut hadir ialah Naib Canselor UKM, Tan Sri Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin. Kesemua syarikat itu akan mengkomersialkan hasil penyelidikan daripada UKM dalam bidang-bidang seperti perubatan, bioteknologi, farmaseutikal, perisian ICT, pertanian, pendidikan dan teknologi hijau oleh UKM.

Setiap syarikat tersebut diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif bagi merancang aktiviti pengkomersialan dan pemasaran syarikat sambil disokong oleh pakar penyelidik bagi mengetuai aktiviti P&P. Sementara itu, Mohamed Khaled turut menyatakan program sebegini amat baik dalam usaha menyokong pelbagai program yang diperkenalkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan. Tambah beliau, kementeriannya juga menyediakan peruntukan sebanyak RM741 juta bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental untuk dua tahun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Sharifah Hapsah pula menganggap program itu berupaya mengkomersialkan pelbagai hasil penyelidikan UKM sekali gus menjana pendapatan kepada universiti.

### **31 Januari 2011 (Isnin)**

#### **SPAD: Pengangkutan awam akan melonjak semula**

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yakin usaha yang dirangka untuk meningkatkan lagi mutu sistem pengangkutan awam akan [dapat](#) melonjakkan semula tahap penggunaannya tidak lama lagi. Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, usaha itu termasuk memberi fokus pada penguatkuasaan undang-undang berhubung sistem pengangkutan awam bagi mengembalikan kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan tersebut. Jelasnya, penguatkuasaan berterusan diyakini mampu memastikan para pengusaha pengangkutan awam menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan sistematik serta memenuhi kehendak para pengguna. "Selain itu, SPAD akan bekerjasama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta pihak berkuasa tempatan dalam memastikan perancangan pembangunan pengangkutan awam dapat dilaksanakan segera. "Bagaimanapun, tumpuan akan diberikan pada perkhidmatan pengangkutan awam di sekitar Lembah Klang pada peringkat permulaan sebelum melaksanakannya secara menyeluruh di Semenanjung Malaysia," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Orang ramai yang mahu memberi maklum balas atau aduan mengenai pengangkutan awam boleh menghubungi talian 1-800-88-9600 atau menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menghantar LPKP Aduan (aduan anda) atau SPAD Aduan (aduan anda) dan hantar ke 15888. Aduan juga boleh disampaikan menerusi e-mel ke [aduan@lpkp.gov.my](mailto:aduan@lpkp.gov.my) atau [aduan@spad.gov.my](mailto:aduan@spad.gov.my). Mulai hari ini, suruhanjaya itu beroperasi sepenuhnya dan menjadi kuasa tunggal yang memberikan mandat untuk menjalankan transformasi serta melakukan peningkatan berterusan terhadap pengangkutan awam di negara ini.

Di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, SPAD mengambil alih fungsi semasa Jabatan Kereta Api (DOR), Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan kuasa Kementerian Pelancongan dalam mengeluarkan lesen kenderaan pelancongan di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, suruhanjaya yang ditubuhkan pada 3 Jun tahun lalu bertanggungjawab mengawal selia dan merancang perkhidmatan pengangkutan awam termasuk rel, bas dan teksi serta pengangkutan barang melalui rel dan jalan raya. Menurut Syed Hamid, peranan suruhanjaya itu juga akan diperluaskan ke Sarawak dan Sabah secara berperingkat memandangkan sistem pengangkutan di kedua-dua negeri itu berbeza dengan Semenanjung. "Aspek keselesaan pengguna, keselamatan, kecekapan perkhidmatan dan sistem perhubungan yang efisien akan menjadi keutamaan kami untuk meraih semula keyakinan orang ramai terhadap penggunaan perkhidmatan awam di negara ini," katanya.